KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 13 OGOS 2023

## LAPORAN HARIAN

13/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **KPWKM RANCANG KUAT KUASA PASANG CCTV DI TASKA** | |
| | https://wartaoriental.com/2023/08/12/kpwkm-rancang-kuat-kuasa-pasang-cctv-di-taska/ | WARTAORIENTAL.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/taska-kini-wajib-pasang-cctv-di-premis/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-rancang-kuat-kuasa-undangundang-pemasangan-cctv-di-taska-432339 | ASTROAWANI.COM |
| | https://worldofbuzz.com/child-abuse-govt-plans-to-make-it-mandatory-for-daycare-centres-to-install-cctv-systems/ | WORLDOFBUZZ.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **NMSC MERAIKAN ULANG TAHUN KE-35 DENGAN MENGANJURKAN HARI TERBUKA** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/12/nmsc-meraikan-ulang-tahun-ke-35-dengan-menganjurkan-hari-terbuka | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **MELAKA SOKONG PEMBANGUNAN BOLA SEPAK WANITA** | |
| | https://www.melakahariini.my/melaka-sokong-pembangunan-bola-sepak-wanita/ | MELAKAHARIINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **‘PUCUK’ MUDA PILIHAN 5 SELEBRITI WANITA TANAH AIR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/12/pucuk-muda-pilihan-5-selebriti-wanita-tanah-air/ | KOSMO.COM.MY |

13/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **ELLY 'GELEGAK' TENGOK VIDEO KANAK-KANAK DIDERA PENGASUH** | |
| | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/08/1139260/elly-gelegak-tengok-video-kanak-kanak-didera-pengasuh | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PILIH YANG TERBAIK UNTUK KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS, KATA DR SIM** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/12/pilih-yang-terbaik-untuk-kanak-kanak-berkeperluan-khas-kata-dr-sim | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **IBU BAPA TAK MAMPU LAGI KAWAL PENGGUNAAN TELEFON ANAK?** | |
| | https://www.utusan.com.my/seri/2023/08/ibu-bapa-tak-mampu-kawal-penggunaan-telefon-anak/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **PEMUDA OKU TERUJA DAPAT TUNAI TANGGUNGJAWAB** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1139074/pemuda-oku-teruja-dapat-tunai-tanggungjawab | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **KANAK-KANAK LELAKI 11 TAHUN LEMAS DI SUNGAI PERAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/12/kanak-kanak-lelaki-11-tahun-lemas-di-sungai-perak/ | KOSMO.COM.MY |

13/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **POLIS BERKAS IBU, KENALAN WANITA DISYAKI DERA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273450/berita/semasa/polis-berkas-ibu-kenalan-wanita-disyaki-dera-kanak-kanak | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1139463/wanita-tomboy-ditahan-polis-disyaki-dera-budak-7-tahun | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/ibu-kandung-rakan-tomboy-dipercayai-dera-kanak-kanak-7-tahun/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/998641/ibu-tomboy-ditahan-dera-budak-7-tahun | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273421/berita/semasa/budak-tujuh-tahun-disyaki-mangsa-dera-ibu-bapa | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/12/ibu-kandung-tomboy-dera-kanak-kanak-7-tahun-direman/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/998755/dera-anak-ibu-direman-6-hari-kenalan-7-hari | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2215719 | BERNAMA.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-7-tahun-didakwa-jadi-mangsa-dera-ibu-kandung-pengkid/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **ZARA ZYA LAPOR POLIS KES 2 INDIVIDU MENIPU DAN GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rap/2023/08/998762/zara-zya-lapor-polis-kes-2-individu-menipu-dan-gangguan-seksual | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2023/08/1139689/zara-buat-dua-laporan-polis-scammer-guna-identiti-diganggu-lelaki | BHARIAN.COM.MY |

13/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WARGA EMAS MENINGGAL DUNIA LEPAS CELUP JARI UNTUK MENGUNDI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/12/warga-emas-meninggal-dunia-lepas-celup-jari-untuk-mengundi/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/273384/berita/semasa/hasrat-warga-emas-mengundi-tak-kesampaian | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/warga-emas-meninggal-dunia-jatuh-di-pusat-mengundi/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-warga-emas-meninggal-dunia-selepas-rebah-di-pusat-mengundi-432496 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/675431 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://selangorkini.my/2023/08/tidak-sempat-mengundi-warga-emas-temui-ajal-selepas-celup-jari/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-rebah-sebaik-celup-dakwat-disahkan-meninggal-dunia/ | HMETRO.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERANI RUGI RM250,000 DIPERDAYA 'PHONE SCAM' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kerani rugi RM250,000 diperdaya 'Phone Scam'

## Wanita cemas selepas sindiket dakwa mangsa terbabit kumpulan pemerdagangan manusia

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

**Miri:** Seorang kerani sebuah syarikat, di sini, kerugian kira-kira RM250,000 selepas diperdaya sindiket 'Phone Scam' yang mendakwa mangsa terbabit dengan satu kumpulan pemerdagangan manusia di Vietnam.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri, berkata wanita berusia dalam lingkungan 40-an itu menerima panggilan telefon dari nombor 019-3613192 yang memperkenalkan diri sebagai ejen J&T, bernama Pang Hui Lee, pada akhir Julai lalu.

Katanya, ejen terbabit mengatakan kononnya mangsa telah membuat penghantaran barangan dan hasil semakan pihak J&T nendapati terdapat lima keping MyKad, lima keping kad ATM dan lima pasport yang dikirim kepada penama, Nor Azmi Nazri di Terengganu.

Bagaimanapun, katanya, mangsa menafikan dakwaan itu, sebelum talian telefon disambungkan ke nombor +87052451072 bagi membolehkan mangsa membuat laporan polis secara dalam talian dan bercakap dengan Sarjan Lai dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak.

"Selepas itu, Sarjan Lai mengatakan hasil semakan butiran mangsa mendapati namanya terbabit dengan satu sindiket kumpulan pemerdagangan manusia di Vietnam yang didalangi dua individu bergelar Datuk.

"Mangsa yang cemas dengan dakwaan itu kemudian meminta Sarjan Lai membantu menyelesaikan kes berkenaan tetapi suspek memberitahu mangsa perlu merahsiakan perkara itu daripada sesiapa sahaja dan dikehendaki melaporkan diri setiap tiga jam kepada suspek melalui WhatsApp," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Azman berkata, suspek turut memperkenalkan Datuk Wong dari Bukit Aman yang boleh membantu menyelesaikan kes mangsa.

### Arah serah akaun

Katanya, mangsa yang kemudian menghubungi Datuk Wong dimaklumkan satu waran tangkap sudah dikeluarkan dengan mangsa akan ditahan pada bila-bila masa dan didakwa di mahkamah.

Beliau berkata, mangsa seterusnya diarahkan menyerahkan semua akaun bank untuk semakan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) kerana pihak polis mendapati wang mangsa juga terbabit dengan pengubahan wang haram.

"Oleh kerana takut, mangsa memaklumkan mempunyai empat akaun bank atas namanya sebelum suspek mengarahkannya memindahkan wang miliknya ke beberapa akaun bagi tujuan semakan BNM.

"Mangsa melakukan sembilan transaksi pemindahan wang secara dalam talian akaun-akaun bank miliknya serta deposit tunai yang keseluruhannya berjumlah kira-kira RM250,000 ke lapan akaun bank yang berlainan pada penghujung Julai lalu sehingga awal Ogos ini," katanya.

Mohd Azman berkata, mangsa hanya menyedari ditipu selepas panggilan dan pesanan WhatsApp disekat oleh Sarjan Lai.

Katanya, mangsa kemudian membuat laporan polis pada 10 Ogos lalu untuk tindakan lanjut.

> "Oleh kerana takut, mangsa memaklumkan mempunyai empat akaun bank atas namanya sebelum suspek mengarahkannya memindahkan wang miliknya ke beberapa akaun bagi tujuan semakan BNM"
>
> *Mohd Azman Ahmad Sapri*
> *Pesuruhjaya Polis Sarawak*



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | REMAJA MAUT KERETA BERTEMBUNG AMBULANS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |





*Keadaan kereta dan ambulans terbabit kemalangan di KM40 Jalan Gua Musang–Kuala Krai, kelmarin.*
(Foto Paya Linda Yahya/BH)

# Remaja maut kereta bertembung ambulans

**Gua Musang:** Seorang remaja lelaki maut apabila kenderaan yang dipandunya bertembung dengan sebuah ambulans di Kilometer (KM) 40, Jalan Gua Musang-Kuala Krai, di sini, kelmarin.

Dalam kemalangan jam 6.15 petang, mangsa, Muhammad Afnan Afiq Sukran, 19, meninggal dunia di tempat kejadian.

Sementara penumpang hadapan kereta dipandu remaja terbabit dan pemandu ambulans cedera ringan. Tiga penumpang ambulans masing-masing dua jururawat dan seorang pesakit, tidak cedera.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendan Sik Choon Foo, berkata nahas membabitkan dua kenderaan iaitu Perodua Myvi dan ambulans Kementerian Kesihatan (KKM).

"Siasatan awal mendapati mangsa yang memandu Perodua Myvi dalam perjalanan dari Gua Musang ke Kuala Krai.

"Setiba di lokasi kejadian, di mana keadaan jalan yang lurus, kenderaan dipandu mangsa dipercayai hilang kawalan dan masuk ke laluan bertentangan sebelum bertembung dengan ambulans yang datang dari arah bertentangan.

"Akibat pertembungan itu, mangsa maut di tempat kejadian, manakala pemandu ambulans cedera di kaki dan dikejarkan ke Hospital Gua Musang (HGM) untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, mayat mangsa dibawa ke Unit Forensik HGM, untuk bedah siasat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUSPEK DIPERCAYAI SEBABKAN KEMATIAN PEMANDU TEKSI DIREMAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Suspek dipercayai sebabkan kematian pemandu teksi direman

**Kuala Nerus:** Suspek lelaki yang dipercayai terbabit dengan kematian seorang pemandu teksi, Khamis lalu, kini direman tujuh hari, bermula kelmarin.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan, berkata suspek berusia 29 tahun kini dirawat di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) kerana turut mengalami kecederaan parah.

Beliau berkata, pihaknya tidak dapat melakukan soal siasat terhadap suspek memandangkan keadaannya yang masih lemah.

"Suspek kini berada dalam keadaan lemah disebabkan mengalami kecederaan yang agak serius.

"Terdapat tusukan menggunakan benda tajam berhampiran paru-paru dan kita juga dapati ada kesan kelar di bahu kiri.

"Jadi, memandangkan suspek dalam keadaan yang lemah, kita tidak dapat menjalankan siasatan buat masa ini. Suspek kini dalam kawalan polis di HSNZ," katanya ditemui selepas meninjau proses pengundian di Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Jembal di sini, semalam.

Mazli berkata, pihaknya juga belum mengenal pasti punca sebenar kejadian kerana siasatan awal tidak dapat dilakukan berikutan suspek masih lemah.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki ditemui mati dengan beberapa kesan kecederaan di bahagian belakang badan, berhampiran Klinik Kesihatan Seberang Takir Kuala Nerus.

Mangsa berusia 51 tahun ditemui di tempat duduk belakang di dalam sebuah teksi dengan keadaan berlumuran darah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DOA SEMUA PENGUAT JIWA ADAM | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MAS Imran menyampaikan sumbangan kepada Ahmad Ridzauddin di Hospital Sultan Ismail (HSI). - Gambar NSTP/MARY VICTORIA DASS

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

# DOA SEMUA PENGUAT JIWA ADAM

## *Bapa bersyukur sokongan diterima gembirakan hati anak derita buah pinggang bocor*

**Johor Bahru**

Doa dan sokongan moral orang ramai menjadi kekuatan buat pesakit buah pinggang bocor kanak-kanak, Adam Akhtar Mursyid yang mungkin dirawat di hospital sehingga tahun depan.

Bapanya, Ahmad Ridzauddin Abu Bakar, 44, berkata, ketika ini sudah tujuh bulan mereka berkampung di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini demi rawatan Adam Akhtar, 11.

"Doktor menyatakan mungkin rawatan Adam diteruskan sehingga awal tahun depan bergantung kepada keadaannya.

"Kesan rawatan ini memang banyak dan kami reda kerana mahu dia pulih dan dia pun kini lebih bersemangat melawan penyakitnya.

"Adam memasang angan-angan mahu menjalani kehidupan lebih ceria selepas ini, seperti kanak-kanak lain," katanya ketika ditemui semalam.

Ahmad Ridzauddin mengakui, sepanjang di hospital, anak tunggalnya lebih gembira apabila menerima pelawat sama ada ahli keluarga, rakan, mahupun orang awam yang prihatin.

Katanya, ada pelawat yang berkomunikasi dengan Adam menerusi mesej ditaip di telefon bimbit disebabkan anaknya menghadapi masalah pendengaran, kesan daripada rawatan berpanjangan.

"Kami berterima atas sokongan moral diberi dan doa orang ramai serta individu yang tampil meringankan beban kami selepas kisah Adam dilapor di Harian Metro," katanya.

Terdahulu, Adam menerima kunjungan Pasaraya Econsave Cash and Carry (Econsave) yang menyampaikan sumbangan susu khas, lampin pakai buang dan barangan keperluan untuk pesakit cilik itu.

Sumbangan disampaikan Pengurus Besar Econsave Mas Imran Adam yang berharap bantuan dihulurkan meringankan beban keluarga itu dan mendoakan agar Adam sembuh.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KERANI DIPERDAYA PINDAH RM250,000 KEPADA 'SARJAN LAI' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kerani diperdaya pindah RM250,000 kepada 'Sarjan Lai'

**Miri:** Gara-gara takut ditangkap, seorang kerani sebuah syarikat di sini, memberikan wang simpanan RM250,000 sebelum menyedari dirinya diperdaya sindiket *phone scam*.

Pesuruhjaya Polis Sarawak Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri berkata, wanita berusia 40-an itu mendakwa menerima panggilan telefon dari nombor 019-3613192 yang memperkenalkan diri sebagai Pang Hui Lee iaitu ejen syarikat kurier pada penghujung Julai lalu.

Menurutnya, ejen terbabit mendakwa mangsa membuat penghantaran barang dan hasil semakan syarikat itu mendapati terdapat lima MyKad, lima kad pengeluaran wang automatik (ATM) dan lima pasport dikirim kepada seorang penama di Terengganu.

Mengulas lanjut, Mohd Azman berkata, bagaimanapun mangsa menafikan dakwaan itu, sebelum talian telefon disambungkan ke nombor +87052451072 bagi membolehkan mangsa membuat laporan polis secara dalam talian dan bercakap dengan 'Sarjan Lai' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

Selepas itu, katanya, Sarjan Lai mengatakan hasil semakan butiran mangsa mendapati namanya terbabit sindiket kumpulan pemerdagangan manusia di Vietnam yang didalangi dua individu bergelar Datuk.

> **"Mangsa cemas dengan dakwaan itu meminta Sarjan Lai membantu menyelesaikan kes berkenaan, tetapi suspek memberitahu mangsa perlu merahsiakan perkara itu dan dikehendaki melaporkan diri setiap tiga jam kepada suspek melalui WhatsApp"**

"Mangsa cemas dengan dakwaan itu kemudian meminta Sarjan Lai membantu menyelesaikan kes berkenaan, tetapi suspek memberitahu mangsa perlu merahsiakan perkara itu dan dikehendaki melaporkan diri setiap tiga jam kepada suspek melalui WhatsApp," katanya dalam kenyataan semalam.

Selain itu, Mohd Azman berkata, suspek turut diperkenalkan dengan Datuk Wong dari Bukit Aman yang boleh membantu menyelesaikan kes mangsa.

Menurutnya, wanita itu kemudian menghubungi Datuk Wong dan dimaklumkan satu waran tangkap dikeluarkan dan mangsa boleh ditahan pada bila-bila masa dan didakwa di mahkamah.

Beliau menambah, mangsa diarah menyerahkan semua akaun bank untuk semakan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) kerana polis mendapati mangsa juga terbabit penggubahan wang haram.

"Oleh kerana takut, mangsa memaklumkan ada empat akaun bank atas namanya sebelum suspek mengarahkannya memindahkan wang itu ke beberapa akaun bagi tujuan semakan BNM.

"Mangsa melakukan sembilan transaksi pemindahan wang secara dalam talian daripada semua akaun bank miliknya serta deposit tunai berjumlah RM250,000 ke lapan akaun bank berlainan pada penghujung Julai lalu sehingga awal Ogos ini," katanya.

Mohd Azman berkata, mangsa hanya menyedari ditipu selepas panggilan dan Whatsapp disekat Sarjan Lai dan mangsa menceritakan hal itu kepada kakaknya.

Katanya, mangsa kemudian membuat laporan p pada 10 Ogos lalu untuk siasatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MEDIA SOSIAL 'RACUN' ROSAK RUMAH TANGGA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |




# Media sosial 'racun' rosak rumah tangga

**Kuala Lumpur:** Perkembangan teknologi dalam komunikasi dan media sosial boleh menjadi 'racun' yang merosakkan hubungan kekeluargaan hingga membawa kepada perceraian dalam kalangan masyarakat termasuk selebriti.

Pendakwah terkenal, Ustaz Haryanto Rizal Rokman berkata, menerusi zaman teknologi ini, boleh nampak isu perceraian khususnya dalam kalangan selebriti menjadi satu yang sangat *trending* dan viral.

"Jadi, kita tak nafikan bahawa ada banyak latar belakang peristiwa kepada apa yang berlaku dalam kalangan pasangan selebriti yang berkahwin ini," katanya.

Haryanto berkata, apa yang boleh menyebabkan perkahwinan rosak ialah wujudnya perkara yang dianggap membunuh hubungan itu.

"Jadi, ertinya racun ini dalam keadaan sekarang, pada masa kita hidup dalam teknologi sangat dahsyat. Saya rasa dia boleh disimpulkan sebagai faktor komunikasi.

"Maknanya kalau dulu disebut ada keterbatasan komunikasi. Hari ini boleh dipanggil komunikasi tanpa batas. Faktor teknologi boleh jadi penyumbang terbesar dalam semua peringkat dan golongan dalam masyarakat," katanya.

Ia merangkumi atau meliputi semua golongan sama ada selebriti mahupun orang biasa serta semua golongan masyarakat.

"Kalau dalam konteks latar belakang agama atau tidak pun sebenarnya terkesan. Saya rasa ada dibincangkan berkaitan teknologi ini.

"Maksudnya teknologi itu sendiri menyebabkan bercambahnya racun yang merosakkan hubungan kekeluargaan. Kalau disebut artis ini, ia duduk dalam dunia dia sendiri.

"Satu dunia berpengaruh. Tapi, saya kata faktor teknologi ini yang menyemarakkan lagi racun ini menyebabkan seolah-olah ia makhluk tak terkawal. Dia boleh pergi ke mana saja," katanya.

Haryanto berkata, sekiranya tidak berhati-hati dan termakan dengan demam teknologi hari ini menerusi media sosial, ia menjadi penyumbang kepada masalah yang berlaku hari ini sehingga mencetus perceraian.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUSPEK TURUT CEDERA PARAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# SUSPEK TURUT CEDERA PARAH

## *Kes kematian drebar teksi: Lelaki ditahan jalani rawatan*

Oleh Faizul Azlan Razak
am@hmetro.com.my

**Kuala Nerus**

Seorang lelaki yang dipercayai terbabit dalam kejadian menyebabkan kematian seorang pemandu teksi, Khamis lalu direman tujuh hari bermula kelmarin.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan berkata, suspek berusia 29 tahun kini berada di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) kerana turut mengalami kecederaan parah.

Menurutnya, pihaknya belum melakukan soal siasat terhadap suspek memandangkan keadaan lelaki itu masih lemah.

"Suspek lemah disebabkan mengalami kecederaan serius.

"Terdapat tusukan menggunakan benda tajam berhampiran paru-paru dan kami juga dapati kesan kelar di bahu kiri.

"Justeru, kami tidak dapat menjalankan siasatan buat masa ini namun dia kini dalam kawalan polis di HSNZ," katanya selepas meninjau proses pembuangan undi di Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Jembal di sini, semalam.

Mazli berkata, pihaknya belum mengenal pasti punca kejadian kerana siasatan tidak dapat dilakukan.

"Kita masih tidak dapat mengetahui punca kematian dan kecederaan pada suspek dan mangsa.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan seorang lelaki ditemukan mati dengan beberapa kesan kecederaan di belakang badan berhampiran Klinik Kesihatan Seberang Takir, Kuala Nerus.

Mangsa berusia 51 tahun itu ditemui di tempat duduk belakang sebuah teksi dalam keadaan berlumuran darah.




MAZLI

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CLERK LOSES RM250,000 IN PHONE SCAM | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

NINE TRANSACTIONS

# Clerk loses RM250,000 in phone scam

**MIRI:** Out of fear of being arrested, a private company clerk handed over her savings of about RM250,000 to a man before realising that she was duped by a phone scam.

Sarawak police Commissioner Datuk Mohd Azman Ahmad Sapri said the woman, in her 40s, received a phone call in July. The person introduced himself as an agent from a courier company in Perak.

He claimed that the woman had made a package delivery, containing five MyKad, five bank cards and five passports to a recipient in Terengganu.

Azman said the victim denied the claims before she was connected to another number to make a police report and to speak to one Sergeant Lai from the Perak police headquarters.

The "sergeant" told the victim that she was involved with a human trafficking syndicate in Vietnam, orchestrated by two "Datuk".

"The victim panicked and sought the sergeant's help to solve the case. He told her to keep the matter secret and to report to him every three hours via WhatsApp."

Azman said the suspect then introduced her to one "Datuk Wong" apparently from Bukit Aman. Wong told her an arrest warrant had been issued against her and that she would be charged in court.

He added that the victim was told to surrender her bank account details to be checked by Bank Negara as the police found that she was also involved in money laundering.

"The victim told the suspect that she had four bank accounts and transferred the money to several accounts to be checked by Bank Negara.

"The victim made nine transactions amounting to about RM250,000 to eight bank accounts between the end of July and early this month."

Azman said the victim realised she had been scammed when her calls to Lai were blocked. The victim told her sister about the incident before lodging a report on Aug 10.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN, 83, DIES AFTER COLLAPSING AT POLLING CENTRE | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Woman, 83, dies after collapsing at polling centre

**TAMPIN:** A woman lost consciousness shortly after dipping her finger in ink to vote at the SK Rokan polling centre in Gemencheh and later died at a clinic here yesterday.

It is learnt that in the 10.30am incident, the 83-year-old was initially treated, but her oxygen levels dipped.

Tampin district police chief Superintendent Anuwal Ab Wahab said about 11am, police were informed by the Gemencheh health clinic that the woman died at the facility.

"Initial investigations found that the woman went to SK Rokan to vote with her family members. After dipping her finger in ink, the woman fell and lost consciousness."

He said the woman was taken by her family members to a clinic.

"She regained consciousness, but her oxygen levels fell. The assistant medical officer performed cardiopulmonary resuscitation.

"The family members said the woman had complained of leg pain since returning from performing the umrah.

"When she arrived at the polling centre, she walked from the car to the voting room. Medical records showed that she had high blood pressure."

Anuwal said the cause of death was confirmed by the attending medical officer before the body was sent to Tampin Hospital for a post-mortem.

The case has been classified as sudden death.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUKIT GORAM YOUNG ATHLETES SHOW FULL POTENTIAL IN INTER-SCHOOL SPORTS MEET | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Young high jump athletes from Bukit Goram primary schools pose for the camera, while taking a break.

# Bukit Goram young athletes show full potential in inter-school sports meet

**KAPIT:** Young athletes representing seven primary schools in Bukit Goram Zone competed in the two-day inter-primary school sports meet at Padang Sukan here.

Hosted by SK Nanga Ibau, the annual sports outing gathered contingents from SJKC Hock Lam, SK Methodist, SK Kapit, SK Kampung Baru, SK Sungai Kapit and SK Ulu Sungai Yong.

The meet, which concluded yesterday, featured three age groups – Group 1 for children aged 12, Group 2 for children aged 11, and Group 3 for 10-year-olds. The events involved were 60m race, 100m race, long jump, triple jump, high jump, shot putt and javelin. The primary schools in Kapit are grouped into several zones: Baleh, Pelagus, Bukit Goram, Belaga and Song.

Fifteen primary schools in the Pelagus Zone were recently involved in another inter-primary school sports meet.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DALAT'S OSEIC NOW IN SERVICE FOR CHILDREN WITH SPECIAL NEEDS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dalat's OSEIC now in service for children with special needs

By Jane Moh
reporters@theborneopost.com

**MUKAH: Parents of children with disability often have concerns and face challenges in decision-making, says Deputy Premier Dato Sri Dr Sim Kui Hian.**

In this regard, he highlights the importance of the parents' and guardians' participation in the special education decision-making process, so as to ensure that the children would have good quality life.

The Minister for Public Health, Housing and Local Government Sarawak said this in officiating at the Dalat Play Centre and One Stop Early Intervention Centre (OSEIC) in Dalat Welfare Complex near here yesterday.

"When they are born (as special individuals), their parents have no choice, but it is up to them or the guardians to choose what is best for the children," he added.

The OSEIC Dalat is a rural pilot project meant to cater for and to better accommodate local children with special needs.

The Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak, in widening the access to early childhood education, took SeDidik – an early children education institution – under its wings on July 27, 2020.

In this regard, the Sarawak government has increased the annual operating grant for SeDidik from RM5 million to RM20 million, signifying its commitment towards early childhood education development in the state.

Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development Sarawak Dato Sri Fatimah Abdullah, in her speech, had said that OSEIC would also be developed in Miri, Kapit and Bintulu.

"This (initiative) is for the rural areas, and we in Dalat are pioneering this project for the rural areas," she said.

At the same time, Fatimah expressed her gratitude and appreciation to 38 Yayasan Amal Cinta, which had donated RM68,000 to the Dalat Play Centre as part of their corporate social responsibility (CSR) initiative.

Also present were Fatimah's deputy minister Mohammad Razi Sitam and Balingian assemblyman Abdul Yakub Arbi.




Dr Sim and Fatimah jointly perform the ribbon-cutting ceremony to mark the opening of the Dalat Play Centre and OSEIC.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KAPIT FOOCHOW ASSOCIATION OFFERS STUDIES INCENTIVES FOR MEMBERS' CHILDREN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kapit Foochow Association offers studies incentives for members' children

**KAPIT:** The Kapit Foochow Association (KFA) is calling upon its members whose children had excelled in the 2022 school assessments and public examinations, to register them for its education incentive programme.

KFA chairperson Sia Leh Ching said the cash incentives for excellent studies would be open for Primary 1 to Primary 6 school assessments, and also for the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) 2022 examinations.

For the school assessment category, the pupils must pass all the subjects.

For the public examination category, SPM 2022 students must have a minimum score of 4As, while STPM 2022 students from the Arts Stream must have a minimum Cumulative Grade Point Average (CGPA) of 3.25, and a minimum 3.0 CGPA for the Science stream.

"Application forms are available at Hiong Hin Trading, Jalan Tun Jugah in Kapit New Bazaar.

"The completed forms must be returned to the association on or before Sept 18, 2023," said Sia.

Successful applicants would be notified at a date to be announced later.

For more information, contact Wong Kei Wei via 010-527 4313 or 019-816 0481.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MARUDI GIRL WINS SMAER UHD TV IN JIMMY CONTEST 6 | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Marudi girl wins smart UHD TV in Jimmy Contest 6

**KUCHING: Diana Ling brought home a 75-inch Samsung Smart UHD television set after winning the top prize of Season 1 of the Jimmy Contest 6 'Treasure In Rice'.**

The 18-year-old flew all the way from Ulu Long Lama, Marudi, with all expenses borne by Liansin Trading Sdn Bhd, to claim her prize, which was presented by Mayor of Kuching South Dato Wee Hong Seng at the Liansin booth in Kuching Festival 2023's Indoor Trade Section on Friday evening.

When met, Diana was happy that her persistence in submitting more than 100 entries throughout the contest period, from April 1 to June 30 this year, had not gone in vain.

She has also submitted more than 70 entries for Season 2, which is running until this Sept 30.

"When I received a call (from Liansin), I thought it was a scam at first, but later, the Liansin staff member congratulated me for winning the grand prize and after verifying a few details, it was then I realised that it was true.



Diana (sixth right) and Wee, on her left, Lim (fourth right) and Lai (second right) join other contest winners in a group photo.

"My mother is a supplier of 'nasi bungkus' (packed economy rice) and 'mee' (noodles) packets, and she uses the 'Cap Amoi' rice brand. She collected all the entry cards for me to scan after I downloaded the Liansin Rewards App," said Diana.

Meanwhile, Chin Poh Mui received the second prize, an Apple iPhone from Liansin executive director Lai Chun Lian, and the third prize of Buffalo smart cooker was presented to Zainuddin Mohammad by Liansin head of group sales and marketing Lim Boo Khiong.

There were two winners of the special prize of Nescafe coffee maker: Ervina Yap and Hafizah Saimin, as well as 27 winners of the consolation prize, namely a 10kg pack of Butterfly Fragrant Rice.

Under Jimmy Contest 6 campaign, there are four season – Season 3 will run from Oct 1 to Dec 31 this year, and Season 4 from Jan 1 to March 30 next year.

The ultimate grand prize for Jimmy Contest 6 is a Honda HR-V sports utility vehicle (SUV).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEMAS PARLIMEN LIMBANG DIGERUNI KERANA KERAP MERANGKUL KEJUARAAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 13 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# KEMAS Parlimen Limbang digeruni kerana kerap merangkul kejuaraan

**LIMBANG:** Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Parlimen Limbang sering digeruni kerana kerap merangkul kejuaraan dalam pertandingan pada Hari Potensi Peringkat Zon dan Negeri yang diadakan setiap tahun.

Pegawai KEMAS Bahagian Limbang Mohd Khairul Amree Abdul Rahman berkata, Hari Potensi Kanak-Kanak Tabika KEMAS berjaya melahirkan ramai permata bergemerlapan khususnya di wilayah utara Sarawak sehingga mengibar cabaran di peringkat Negeri dan kebangsaan.

Beliau optimis KEMAS Parlimen Limbang mampu mengulangi kejayaan dalam pelbagai acara pada pertandingan itu tahun ini sehingga ke peringkat zon, negeri dan kebangsaan.

"Strategi ampuh dirangka sebagai persiapan KEMAS Parlimen Limbang mengibar cabaran Hari Potensi Peringkat Zon Lima membabitkan kawasan Hulu Rejang, Bintulu, Sibuti, Miri, Baram, Limbang dan Lawas akan diadakan di Miri pada 21 hingga 23 Ogos ini.

"Persiapan kita di Parlimen Limbang untuk ke Pertandingan Peringkat Zon di Miri, kita melakukan pendekatan dan latihan dan memanggil jurulatih dari luar.

"Kita komited melaksanakan latihan-latihan bagi memperkasa dan memperhebat calon dan wakil dari Limbang dan kita mahu mengulangi kemenangan lalu yang mana wakil Limbang pernah mengorak langkah sehingga ke peringkat kebangsaan," katanya ditemui pada Majlis Penutupan Hari Potensi Tabika/Taska KEMAS Peringkat Parlimen Limbang di sini semalam.

Hadir sama Pegawai Eksekutif Pentadbiran KEMAS Limbang Nur Azeera Hashim.

Menurutnya, KEMAS sentiasa memberi keutamaan terhadap kualiti perkembangan awal kanak-kanak, melalui pendidikan ditekankan sejak awal kerana anak-anak kecil inilah yang bakal menentukan masa depan negara.

"Guru-guru KEMAS memainkan peranan sangat penting mendedahkan pendidikan awal kanak-kanak, mendidik dan mengasah bakat kanak-kanak terutama di peringkat usia awal," jelasnya.

Untuk rekod, KEMAS Parlimen Limbang pernah melakar kejayaan kategori padang dan bakat juara bercerita peringkat negeri (2008), juara bola jaring peringkat kebangsaan (2009), ketiga bola sepak peringkat negeri (2011), juara peringkat negeri acara Si cilik KEMAS kategori nyanyian solo pada 2021 dan beberapa kemenangan lain.

Pada program itu, sebanyak lima acara dipertandingkan iaitu pidato (kategori lelaki dan perempuan), story telling (kategori lelaki dan perempuan), tarian berkumpulan, bilal cilik dan ustazah junior.



**KAMI BOLEH:** Mohd Khairul (belakang lima kiri) bersama warga KEMAS Limbang pada Hari Potensi Tabika/Taska KEMAS Peringkat Parlimen Limbang semalam.